



AKADEMI MEMANAH EPSILON
C-PNG-11638
17-2-1 BAYAN POINT
MEDAN KAMPUNG RELAU
KAMPUNG SEBERANG PAYA
11900 PULAU PINANG

TELEFON: +6011-56539055

FACEBOOK: EPSILON ARCHERY

Ruj. Kami : EMC-25-08
Tarikh : 11 JULAI 2025

PRESIDEN / SETIAUSAHA

Persatuan Sukan / Kelab Memanah / Sekolah-sekolah

Ybhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof/ Dr/ Tuan/ Puan,

JEMPUTAN MENYERTAI EPSILON MERDEKA CHALLENGE 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Akademi Memanah Epsilon dengan kerjasama Persatuan Memanah Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan Epsilon Merdeka Challenge 2025 seperti ketetapan berikut :-

TARIKH : 30 DAN 31 OGOS 2025
HARI : SABTU DAN AHAD
TEMPAT : PADANG, SMK DATO' KAILAN 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG

3. Sehubungan itu, Akademi Memanah Epsilon berbesar hati menjemput Persatuan Ybhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof/ Dr/ Tuan/ Puan untuk menghantar pasukan bagi menyertai Kejohanan ini. Bersama - sama ini dilampirkan maklumat kejohanan untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

4. Segala Kerjasama dan sokongan yang diberikan daripada YBhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof/ Dr/ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, reading 'Fatim Adibah'.

(NURUL FATIN ADIBAH BINTI MOHD ZAMRI)

Penyelaras Kejohanan

Epsilon Merdeka Challenge 2025

TARIKH – TARIKH PENTING

Tarikh Mula Pendaftaran	:	15 JULAI 2025
Tarikh Akhir Pendaftaran	:	25 OGOS 2025
Tarikh Akhir Bayaran	:	25 OGOS 2025
Mesyuarat Pengurus Pasukan	:	28 OGOS 2025 (Atas Talian)
Tarikh Kejohanan	:	30 OGOS DAN 31 OGOS 2025

TEMPAT KEJOHANAN

Tempat kejohanan	:	PADANG SMK DATO' KAILAN
Alamat kejohanan	:	SMK DATO' KAILAN, 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG

JADUAL KEJOHANAN

29/08/2025 Khamis	Ketibaan Peserta / Pegawai Teknikal Kejohanan
30/8/2025 Sabtu	Hari Pertama Pusingan Kelayakan Kategori Lelaki (RECURVE TERBUKA / RU12) Pusingan Kelayakan Kategori Perempuan (RECURVE TERBUKA / RU12)
31/8/2025 Ahad	Hari Kedua Pusingan Kelayakan Kategori Lelaki (RU10 / ASAS MULA) Pusingan Kelayakan Kategori Perempuan (RU10 / ASAS MULA)
1/9/2025 Isnin	Kepulangan Peserta

PENDAFTARAN

Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui *Malaysia Archery Results & Entry Online System* (MAREOS). Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.

Peserta perlu daftar masuk di MAREOS melalui <https://mareos.masarchery.org/> dengan menggunakan nombor kad pengenalan dan kata laluan yang telah ditetapkan oleh sistem MAREOS. Selepas daftar masuk, pilih kejohanan yang ingin didaftarkan.

Hubungi pihak admin MAREOS (event@masarchery.org) jika ada sebarang pertanyaan ataupun memerlukan bantuan mengenai MAREOS. Untuk pertanyaan selain daripada MAREOS sila hubungi pihak penganjur (Admin Epsilon di talian 011-56539055).

KATEGORI

Kategori bagi kejohanan ini adalah seperti berikut:

KATEGORI	KOD	JARAK	TARGET FACE
1. RECURVE LELAKI (TERBUKA)	RM	30M x 2	80 CM 6 RINGS
2. RECURVE WANITA (TERBUKA)	RW	30M x 2	80 CM 6 RINGS
3. RECURVE LELAKI BAWAH 12 TAHUN	RU12M	30M x 2	122 CM
4. RECURVE PEREMPUAN BAWAH 12 TAHUN	RU12G	30M x 2	122 CM
5. RECURVE LELAKI BAWAH 10 TAHUN	RU10M	20M x 2	122 CM
6. RECURVE PEREMPUAN BAWAH 10 TAHUN	RU10G	20M x 2	122 CM
7. ASAS MULA LELAKI	AML	10M x 2	122 CM
8. ASAS MULA PEREMPUAN	AMW	10M x 2	122 CM

PENYERTAAN

Penyertaan bagi kejohanan ini adalah **TERBUKA** kepada semua warganegara Malaysia. Tiada had peserta bagi setiap kategori.

Pendaftaran lewat (selepas tarikh tutup) atau pertukaran (selepas tarikh tutup) akan dikenakan denda mengikut kadar yang telah ditetapkan dan penganjur mempunyai hak untuk tidak menerima.

YURAN

Yuran penyertaan adalah seperti berikut :

Atlet	: RM 100.00 / orang
Pegawai (Pengurus / Jurulatih	: RM 20 / orang

Kadar denda / penalti pendaftaran lewat / pertukaran selepas tarikh tutup adalah sebanyak RM 50.00/orang.

Yuran hendaklah dijelaskan melalui sistem MAREOS. **Bayaran yang tidak diterima selepas tarikh tutup penyertaan, akan dianggap tidak menyertai kejohanan.** Tiada bayaran secara tunai diterima semasa hari kejohanan.

PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, kejohanan ini akan dijalankan mengikut undang-undang *World Archery* dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.

Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang *World Archery* yang terkini akan dipatuhi.

Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

1. Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada Peraturan Kejohanan Memanah Kebangsaan.
2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang *World Archery* dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.
3. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan adalah muktamad.

Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang bantahan sebanyak tunai **RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).**

Wang bantahan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan / Ketua Hakim dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

HADIAH

Hadiah akan disediakan seperti berikut:

ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA	TEMPAT KE-4 HINGGA KE-10
1. Keseluruhan Recurve Lelaki (Terbuka)	1	1	1	7
2. Keseluruhan Recurve Wanita (Terbuka)	1	1	1	7
3. Keseluruhan Recurve Lelaki Bawah 12 Tahun	1	1	1	7
4. Keseluruhan Recurve Wanita Bawah 12 Tahun	1	1	1	7
5. Keseluruhan Recurve Lelaki Bawah 10 Tahun	1	1	1	7
6. Keseluruhan Recurve Wanita Bawah 10 Tahun	1	1	1	7
7. Keseluruhan Asas Mula Lelaki	1	1	1	7
8. Keseluruhan Asas Mula Wanita	1	1	1	7
JUMLAH	8	8	8	56

GANTI RUGI

Ahli Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah / tempat kejohanan / rumah.

SEBARANG PERTANYAAN (secara Whatsapp sahaja)

Admin Akademi Memanah Epsilon	:	011-56539055
Coach Fatin Adibah	:	017-4934649
Coach Zaris Ain Amran	:	017-2380987

PENGINAPAN / PENGANGKUTAN / MAKAN adalah atas liabiliti peserta sendiri. Pihak penganjur tidak menyediakan mana – mana perkara tersebut.

PEMBATALAN DAN PERUBAHAN

Semua pembatalan dan perubahan mesti dibuat sebelum tarikh tutup. Jika pembatalan dan perubahan dibuat selepas tarikh tutup, yuran penyertaan tidak akan dikembalikan.